

- ⇒ Batu karang yang terkeluar daripada pundi hempedu dan menyumbat saluran hempedu, mungkin memerlukan prosedur selanjutnya (pembedahan atau endoskopi)
- ⇒ Kecederaan kepada organ-organ yang berdekatan seperti hati, perut dan usus
- ⇒ "Gas embolism" - jarang berlaku
- ◆ Komplikasi atau risiko **Am** yang mungkin berlaku adalah seperti alahan kepada ubat bius atau antibiotik atau ubat kontras, pendarahan di tempat pembedahan atau luka, jangkitan kuman di luka, paru-paru, kencing atau saluran I/V, pembekuan darah di kaki atau "Deep Vein Thrombosis", kesakitan kronik di luka atau kawasan pembedahan, serangan sakit jantung atau "stroke" dan sebagainya. Kematian jarang berlaku

Apa yang akan berlaku selepas pembedahan

- ◆ Pesakit akan kembali ke wad untuk perawatan seterusnya.
- ◆ Ubat tahan sakit diberi untuk mengawal kesakitan selepas pembedahan
- ◆ Pesakit dibenarkan minum atau makan selepas dilihat oleh doktor bedah
- ◆ Ubat antibiotic mungkin diberi atau diteruskan jika terdapat unsur-unsur jangkitan.
- ◆ Tiub kencing mungkin masih berada di saluran kencing untuk sementara waktu
- ◆ Tiub atau "drain" mungkin diletak di kawasan pembedahan pundi hempedu yang akan keluar daripada badan. Terpulang kepada kes-kes tertentu
- ◆ Luka biasanya diperiksa selepas 3 hari dari tarikh pembedahan. Pembukaan jahitan mungkin diperlukan (terpulang kepada jahitan yang digunakan oleh pakar bedah)
- ◆ Selepas dibenarkan pulang, pesakit akan dilihat semula di klinik pembedahan untuk rawatan susulan.

Bila saya boleh mula bekerja atau kembali ke aktiviti sedia kala?

- ◆ Pesakit yang menjalani pembedahan "laparoscopic" boleh kembali bekerja atau pulang ke aktiviti sedia kala dalam 1 atau 2 minggu selepas pembedahan
- ◆ Pesakit yang menjalani "Open Cholecystectomy" boleh kembali bekerja atau pulang ke aktiviti sediakala dalam 2 atau 3 minggu selepas pembedahan

- ◆ Jangkamasa cuti sakit akan diberi berdasarkan jenis pembedahan yang dijalani oleh pesakit
- ◆ Pesakit yang aktif dalam aktiviti senaman, digalakkan kembali bersenam secara aktif sebulan selepas pembedahan

Apa makanan yang boleh saya makan selepas pembedahan

- ◆ Tiada sebarang pantang ke atas makanan yang boleh dimakan oleh pesakit
- ◆ Pesakit digalakkan untuk makan makanan seimbang dan makanan yang kurang lemak kerana ia baik untuk kehidupan yang sihat
- ◆ Pesakit mungkin mengalami keadaan cirit-birit jika terlalu banyak makan makanan yang berlemak

Lain-Lain Perkara Berbangkit

- ◆ Pesakit boleh merujuk kembali kepada pakar bedah mereka sekiranya terdapat sebarang persoalan yang berbangkit atau pertanyaan. Anda boleh berhubung dengan :
 1. Dr. Yoong Boon Koon
 2. Dr. Koh Peng Soon
 3. Dr. Koong Jun Kit
- ◆ Unit Pembedahan *Hepato-Pankreato-Biliari (HPB)*, PPUM sentiasa bersedia menolong dan menghulurkan bantuan kepada pesakit bila –bila masa
- ◆ Klinik Pembedahan HPB diadakan setiap hari Isnin mulai jam 2 petang di:-


Tingkat 1
Klinik Pembedahan, Menara Utama
Pusat Perubatan Universiti Malaya
59100 Kuala Lumpur
Tel : 03-79494422

Disediakan Oleh

Hepato-Pancreato-Biliary (HPB), Jabatan Surgeri
Tel : 79492639 / 4606

Sebarang Pertanyaan Sila Hubungi

Perkembangan Kejururawatan, Tingkat 8, Menara Utama
Pusat Perubatan Universiti Malaya, 59100 Kuala Lumpur
Tel : 03-79492376/ 2931/ 2798/ 2412
Hak milik Pusat Perubatan Universiti Malaya 2012



PEMBEDAHAN PUNDI HEMPEDU "CHOLECYSTECTOMY"

Patient Information

Fungsi Pundi Hempedu

- ◆ Pundi hempedu atau lebih dikenali sebagai “*Gallbladder*” dalam Bahasa Inggeris terletak di sebelah kanan bahagian bawah permukaan hati
- ◆ Ia berfungsi untuk menyimpan jus hempedu yang dihasilkan oleh hati di mana jus hempedu menolong mencerna atau menghadam lemak dan minyak dalam makanan yang kita makan
- ◆ Pundi hempedu akan melepaskan jus hempedu yang disimpannya oleh hormon apabila lemak atau minyak dikesan di dalam usus.

Penyakit-Penyakit Pundi hempedu

- ◆ Penyakit yang kerap dialami oleh pundi hempedu adalah batu karang hempedu.
- ◆ Batu karang hempedu tidak memerlukan sebarang rawatan jika ia tidak mendatangkan masalah.
- ◆ Batu karang hempedu boleh menyebabkan masalah-masalah seperti berikut
 - ⇒ Kesakitan atau “*Biliary colic*” - biasanya pesakit mengalami kesakitan di bahagian bawah tulang rusuk kanan. Ia boleh diatasi dengan ubat tahan sakit. Jika sakit itu teruk, kadang kala memerlukan ubat tahan sakit yang lebih kuat dan kemasukan ke hospital untuk rawatan.
 - ⇒ Radang pundi hempedu atau “*Cholecystitis*” - ia boleh menyebabkan radang atau jangkitan ke atas pundi hempedu di mana pesakit boleh mengalami demam selain daripada kesakitan
 - ⇒ Jaundis - batu karang boleh terkeluar daripada pundi hempedu dan menyumbat salur hempedu dan menyebabkan penyakit kuning atau jaundis. Apabila terdapat jangkitan kuman, ia akan menyebabkan keadaan yang dikenali sebagai “*cholangitis*”
 - ⇒ *Pankreatitis* atau radang pankreas - keadaan yang serius dan memerlukan kemasukan hospital untuk rawatan dan pemerhatian
 - ⇒ Batu karang boleh menyumbat usus atau lebih dikenali sebagai “*gallstone ileus*”
- ◆ Penyakit-penyakit pundi hempedu yang lain
 - ⇒ Barah atau kanser pundi hempedu
 - ⇒ Ketumbuhan yang bukan barah seperti “*polyp*” - risiko “*polyp*” menjadi barah boleh berlaku jika saiz “*polyp*” besar

Tujuan Pembedahan Pundi Hempedu

- ◆ Objektif utama dalam pembedahan pundi hempedu di mana pundi hempedu (bersama batu karang hempedu) dikeluarkan melalui cara pembedahan adalah untuk mencegah dan mengelakkan pesakit daripada mengalami penyakit-penyakit yang disebut di atas daripada berlaku atau berulang
- ◆ Pembedahan juga disyorkan untuk barah pundi hempedu mengikut tahap atau *stage barah* tersebut

Apa akan berlaku sekiranya tidak menjalani pembedahan pundi hempedu?

- ◆ Seperti mana yang disebut di atas bahawa batu karang hempedu yang tidak mendatangkan masalah tidak perlu menerima sebarang rawatan
- ◆ Jika pesakit tidak menjalani pembedahan dan pesakit mengalami gejala (*symptom*) penyakit ini berulang kali, penyakit tersebut berisiko menjadi lebih serius

Cara-cara Pembedahan Pundi Hempedu

- ◆ “*Laparoscopic cholecystectomy*” - pembedahan di mana pundi hempedu dikeluarkan dengan cara penggunaan alatan teropong atau *laparoscopic*
- ◆ “*Open cholecystectomy*” - pembedahan melibatkan pembukaan kulit di bahagian abdomen untuk mengeluarkan pundi hempedu. Biasanya dilakukan sekiranya pembedahan “*laparoscopic*” gagal atau dalam kes-kes kanser pundi hempedu di mana mungkin melibatkan pembedahan hati dan limfa-limfa yang berdekatan
- ◆ “*On table cholangiogram (OTC)*” - mungkin diperlukan semasa pembedahan tetapi terpulung kepada kes-kes tertentu. Sinaran C (X-ray) dilakukan untuk melihat saluran hempedu untuk mengesan batu karang atau penyakit lain yang mungkin melibatkan saluran hempedu
- ◆ Pembedahan ke atas saluran hempedu mungkin diperlukan dalam kes-kes tertentu semasa menjalani pembedahan pundi hempedu.

Adakah saya sesuai untuk pembedahan secara am atau “Pembedahan Harian”?

- ◆ Untuk pembedahan secara am atau biasa—pesakit dikehendaki masuk wad sehari sebelum tarikh pembedahan di mana pesakit akan diteliti oleh doctor bius dan siasatan darah, EKG dan X-ray dada akan diambil (jika perlu). Pembedahan akan berjalan pada keesokan harinya jikalau tiada masalah yang berbangkit sebelum itu. Pesakit akan tinggal 1 atau 2 hari selepas pembedahan “*laparoscopic*” sebelum dibenarkan pulang. Jika pesakit menjalani “*open cholecystectomy*” maka, pesakit perlu tinggal untuk 3 hingga 5 hari sebelum dibenarkan pulang (terpulung pada keadaan pesakit).
- ◆ Untuk “pembedahan harian” atau “*daycare*”—pesakit biasanya datang dari rumah dengan berpuasa ke Dewan Pembedahan Harian pada hari pembedahan dan menjalani pembedahan pada hari yang sama. Selepas pembedahan, pesakit dibenarkan pulang selepas keadaan pesakit didapati stabil oleh doktor bius dan pakar bedah ** (sila rujuk di Unit Pembedahan Harian dan doktor yang bertanggungjawab dengan kesesuaian pesakit untuk menjalani pembedahan secara pembedahan harian)

Komplikasi atau risiko yang mungkin berlaku semasa dan selepas pembedahan

- ◆ Pesakit perlu memahami komplikasi atau risiko boleh berlaku dalam semua jenis pembedahan termasuk pembedahan pundi hempedu
- ◆ Komplikasi atau risiko yang mungkin berlaku dalam pembedahan pundi hempedu ialah:-
 - ⇒ Kecederaan kepada salur hempedu—jarang berlaku (1/1500 kes). Jika berlaku, memerlukan pembedahan yang selanjutnya.
 - ⇒ Jus hempedu yang mengotorkan kawasan pembedahan akibat kebocoran pundi hempedu atau klip (yang digunakan untuk pembedahan) ke atas salur pundi ke salur hempedu yang terkeluar, mungkin memerlukan pembedahan sekali lagi